

18 APR 2001

Pekan Rabu (Bergambar)

PEKAN RABU BERWAJAH BARU

ALOR SETAR, 18 April (Bernama) -- Sebanyak RM13 juta akan dibelanjakan untuk mengubahsuai Pekan Rabu di sini ke arah mengubah imej tempat kaum Bumiputera berniaga dan sebagai tempat tarikan pelancong.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain hari ini berkata projek itu akan dimulakan tidak lama lagi dan siap sepenuhnya dalam tempoh enam bulan.

Apabila siap, Pekan Rabu akan dikenali sebagai Pekan Rabu-Che Det Mall, katanya kepada pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah projek itu.

Nama Che Det Mall diambil daripada nama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dikenali sebagai Che Det di kalangan penduduk tempatan.

Dr Mahathir pernah berniaga di Pekan Rabu itu sebelum menjadi doktor perubatan.

Pekan Rabu yang mula dibuka pada 1975 dikenali pelancong tempatan dan luar negara sebagai tempat jualan bagi pakaian, kraftangan dan kuih-muih tradisional Melayu.

Projek pengubahsuaian itu melibatkan pembinaan kawasan pejalan kaki di hadapan Pekan Rabu dan jalan di hadapannya iaitu Jalan Tunku Ibrahim, kira-kira 1km, yang akan dikenali sebagai "Che Det Walk"

Syed Razak berkata sebuah hotel sederhana juga akan disediakan di Pekan Rabu itu dengan mengubahsuai bekas pejabat MARA setinggi lima tingkat.

Sebuah kawasan lapang di antara Pekan Rabu dan Empire Arked akan dijadikan sebagai ruang untuk persembahan kebudayaan dan kesenian di samping terdapat kiosk kopi.

Sungai Raja di sebelah kiri Pekan Rabu akan diturap untuk dijadikan sebagai Dataran Sungai Raja, kawasan pejalan kaki.

Syed Razak juga berkata Memorial Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama, sedang di bina di Taman Jubli Perak, di sini, dengan mengubahsuai bekas sebuah bangunan pejabat swasta.

Memorial peringkat negeri itu akan dibuka tidak lama lagi dan orang ramai berpeluang melihat bahan-bahan pameran yang sebahagian besarnya diperolehi dari Muzium Negeri dan tidak terdapat di Memorial Tunku Abdul Rahman di ibu negara.

-- BERNAMA

JM RHM